



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/5/2014

Malaysia capai negara maju sebelum 2020

UM - 13/5/2014

KUALA LUMPUR 12 Mei - Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada 2010 berjaya memacu sektor ekonomi negara melalui peningkatan pelaburan dan pendapatan per kapita yang seterusnya meletakkan Malaysia di landasan terbaik untuk mencapai status negara maju lebih awal daripada tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kepesatan dalam sektor swasta berjaya melonjakan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita kepada AS\$10,060 (RM32,544.91) pada tahun 2013 daripada AS\$7,059 (RM22,800.57) pada

2009.

Menurut beliau, antara kejayaan sepanjang 2013 adalah program InvestKL yang berjaya menarik masuk pelaburan oleh 15 syarikat multinasional dari Amerika Utara, Eropah dan Asia untuk menubuhkan pejabat serantau di sini.

"Malah, beberapa petunjuk memberikan gambaran bahawa sekiranya tidak ada aral melintang, kita mampu mencapai cita-cita ini lebih awal daripada yang dijangkakan," katanya ketika membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi

Ekonomi (ETP) di sini hari ini.

Beliau berkata ETP yang menggabungkan dua komponen, iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) menyasarkan untuk melonjakkan PNK kepada AS\$15,000 (RM48,450) mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah AS\$444 (RM1,434.12) bilion menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri turut merakamkan penghargaan kepada sektor swasta yang telah memberikan kerjasama dalam perjalanan transformasi negara.

Beliau berkata, ETP yang digubal sebagai tindak balas negara kepada perubahan iklim ekonomi dunia memberikan petunjuk jelas bahawa daya tahan ekonomi Malaysia telah dipacu oleh pelaburan sektor swasta, yang kini mencecah 61 peratus daripada jumlah pelaburan.

Menurutnya, Malaysia telah menikmati arus berterusan pelaburan dalam tempoh tiga tahun terakhir di mana peningkatan yang kukuh dalam pelaburan swasta telah meningkat 15.3 peratus bagi tempoh antara 2010 hingga 2013 berbanding 4.7 peratus antara 2008 hingga 2010.